

# CARBOSOL SYRUP

Carbocysteine (125mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Carbosol
2. Bagaimana Carbosol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Carbosol
4. Cara menggunakan Carbosol
5. Semasa menggunakan Carbosol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Carbosol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Carbosol

Ia digunakan untuk merawat masalah jangka panjang atau pendek saluran pernafasan, dengan kehadiran mukus berlebihan atau likat.

## Bagaimana Carbosol berfungsi

Carbocysteine, sejenis mucoregulator, mengurangkan kelikatan mukus dan melindungi saluran pernafasan daripada jangkitan atau iritasi.

## Sebelum menggunakan Carbosol

### - Bila tidak boleh menggunakan

- alahan kepada carbocysteine atau ramuan-ramuan lain Carbosol.
- tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak berumur kurang daripada dua (2) tahun.

### Mengandung dan menyusukan anak

Keselamatan penggunaan Carbosol semasa mengandung belum dipastikan lagi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum menggunakan Carbosol

Beritahu doktor jika terdapat ulser dalam perut atau usus.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasarnya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Carbosol

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: oral, 750mg dikurangkan kepada 375mg tiga kali sehari apabila kesan diperolehi.

Kanak-kanak 2 – 5 tahun: oral, ½ - 1 camca teh empat kali sehari.

Kanak-kanak 6 – 12 tahun: oral, 2 camca the tiga kali sehari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat

anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Carbosol

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Carbosol.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Carbosol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda mengetahui kesan ubat ini terhadap anda.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Carbosol boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Loya, sakit kepala, ketidakselesaan perut, pendarahan perut-usus dan ruam kulit mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Carbosol

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Sirap merah berperisa strawberi.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: carbocysteine.
- Bahan tidak aktif: sodium bicarbonate, rose pink, liquid glucose, perisa strawberi, methyl parabens, propyl parabens, air dan sirap

### - Nombor MAL:

MAL19912112X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

18/04/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)040417/00049